

Kepada : Kakitangan Kolej Profesional MARA Ayer Molek, Melaka

Daripada : Pengarah Kolej Profesional MARA Ayer Molek, Melaka

Salinan Kepada :

Bilangan

Rujuk kami	Tarikh	Rujuk tuan	Tarikh
KPMAM.100-1/5/1 Jld 2 (14)	19 Disember 2025 28 Jamadilakhir 1447H		

GARIS PANDUAN KESELAMATAN: PROSEDUR KELUAR MASUK KAKITANGAN KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM) AYER MOLEK, MELAKA

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa kakitangan Kolej Profesional MARA (KPM) Ayer Molek adalah **WAJIB** menggunakan Kad/Pas Keselamatan MARA (MKad) sepenuhnya sebagai akses rasmi bagi urusan keluar/masuk kolej **berkuatkuasa serta-merta**.

3. Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk meningkatkan keselamatan di kawasan kolej serta memastikan pergerakan warga kolej direkodkan dengan tepat dan sistematik. Peraturan penggunaan MKad hendaklah dipatuhi seperti ketetapan berikut:

- i. **WAJIB** membawa dan menggunakan MKad setiap masa ketika berada di dalam kawasan kolej;
- ii. **WAJIB** mengimbas (*scan*) MKad pada pintu utama masuk dan keluar di balai pengawal; dan
- iii. Bagi memastikan kelancaran pergerakan dan mengurangkan risiko keselamatan semasa hujan lebat, pengawal keselamatan dibenarkan untuk membuka akses laluan kenderaan secara manual untuk urusan masuk atau keluar kolej.

...4. Sehubungan itu, arahan yang terkandung dalam **memo Bil. KPMAM.100-1/5/1 Jld 2 (13)** bertarikh **27 November 2025** adalah dengan ini **dibatalkan**. Bersama-sama ini dilampirkan infografik garis panduan untuk rujukan tuan/puan.

Perhatian dan kerjasama semua kakitangan kolej adalah diharapkan bagi memastikan pelaksanaan arahan ini berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

NOOR ZILAWATI BINTI SABTU
Pengarah
Kolej Profesional MARA Ayer Molek
Melaka